

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2Jld.3(25)

27 Ogos 2023
10 Safar 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 40/2023

PENILAIAN PRESTASI TAHUN 2023

Dimaklumkan bahawa Penilaian Prestasi Tahunan bagi Staf Akademik (LPPT) dan Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana (LNPT) akan dilaksanakan mengikut jadual seperti di lampiran. Bagi memastikan urusan penilaian prestasi dapat dilaksanakan mengikut perancangan, semua staf dikehendaki mematuhi jadual yang telah ditetapkan. Staf diingatkan agar mengambil tindakan untuk memasukkan semua data LPPT/LNPT lebih awal bagi melancarkan proses semakan dan pengesahan data.

2. Menjadi kewajipan dan tanggungjawab setiap staf untuk mengisi dan melengkapkan borang penilaian LPPT/LNPT. Sila ambil perhatian bahawa semua staf yang layak adalah tidak dikecualikan daripada mengisi dan melengkapkan borang penilaian LPPT/LNPT. Bagi staf yang akan menamatkan perkhidmatan pada tahun penilaian tetapi berkhidmat lebih enam (6) bulan pada tahun penilaian, sila lengkapkan penilaian menggunakan Borang Laporan Penilaian Prestasi Khas (LNPK) dan dikembalikan kepada Pegawai Sumber Manusia (PSM) Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum tamat perkhidmatan.

3. Setiap Ketua Jabatan dan Pegawai Penilai adalah bertanggungjawab untuk memastikan penilaian prestasi pegawai dilaksanakan secara berintegriti dan penilaian dibuat berasaskan prestasi sebenar Pegawai Yang Dinilai (PYD).

4. Tindakan akan dikenakan kepada mana-mana Pegawai Yang Dinilai (PYD) atau Pegawai Penilai (Pegawai Penilai Pertama (PPP), Pegawai Penilai Kedua (PPK)) yang gagal melengkapkan/menyelesaikan penilaian yang dipertanggungjawabkan dalam tempoh yang ditetapkan sepertimana berikut:

- a) Tindakan Tatatertib kerana ingkar perintah
- b) Tiada Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)
- c) Tidak layak menerima sebarang anugerah pada tahun semasa (termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang)
- d) Tidak disambung perkhidmatan kontrak (bagi staf kontrak)
- e) Ditangguhkan bayaran ganjaran kontrak (*gratuity of contract*) (bagi staf kontrak)

5. Kerjasama daripada semua amat diperlukan bagi memastikan pengurusan penilaian prestasi dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Tiada apa-apa arahan atau tanggungan boleh diletakkan ke atas mana-mana pegawai lain, sekiranya didapati pegawai gagal untuk mengisi dan menghantar Penilaian Prestasi dalam tempoh yang ditetapkan. Pekeliling ini adalah muktamad dan rayuan bagi pelanjutan tempoh pelaksanaan tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

JADUAL UMUM PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN STAF BAGI TAHUN 2023

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
1.	KELAYAKAN PENILAIAN, KLASIFIKASI DAN PEGAWAI PENILAI i. Menetapkan kelayakan penilaian LPPT dan LNPT. ii. Menetapkan klasifikasi LPPT iii. Menetapkan dan Mengemaskini penentuan Pegawai Penilai iv. Menyemak dan mengesahkan penetapan Pegawai Penilai	1 April – 28 September 2023 “ “ 1 – 15 Nov 2023	PSM PSM PSM PYD
2.	PEMILIHAN MAJOR LPPT i. Pemilihan Major oleh PYD ii. Pengesahan PSM iii. Kelulusan Dekan	1 Sept. – 30 Sept. 2023 1 Okt – 31 Okt. 2023 1 Nov– 30 Nov. 2023	PYD PSM Dekan
3.	MAKLUMAT KEGIATAN SUMBANGAN LNPT / LPPT i. Kemasukan Maklumat Kegiatan Sumbangan serta bonus LNPT ii. Kemasukan Maklumat di Sistem Rekod 7P, RADIS, Innocoms, Icesys, AIMS	1 Ogos - 28 Disember 2023*	PYD
4.	KEY AMAL INDICATOR (KAI) Memasukkan KAI di dalam sistem setelah berbincang antara PYD dan PPP	1 Ogos – 28 Disember 2023*	PYD / PPP / PPK PYD
5.	PENILAIAN 360 DARJAH LNPT i. Penjanaan PPR (Pegawai Penilai Rakan Sekerja) ii. Penjanaan PPS (Pegawai Penilai Subordinat) iii. Penilaian dan Pengisian markah 360 darjah oleh PPR dan PPS (LNPT 360)	1 Nov -15 November 2023 1 Nov- 30 November 2023 1 Dis 2023 - 7 Januari 2024	PYD PSM PPR & PPS
6.	PENGHANTARAN LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN LPPT DAN LNPT	28 Disember 2023* (jam 5 petang)	PYD
7.	PENGEMASKINIAN MAKLUMAT DAN PENGESAHAN DATA i. Pengesahan Data Innocoms, Webometrik, RADIS (Penyelidikan, Penerbitan), IceSys,	1 - 7 Januari 2024* (LPPT - dibuat secara berfasa)	PIC SISTEM ICC, HEK,CCIN,RMC, PERPUSTAKAAN, UTM PRESS, UTM CDEX CTLD / PSM /

BIL	PERKARA	TEMPOH	TINDAKAN
	ii. Kemas kini data CPD dan rekod kehadiran iii. Maklumat Kegiatan Sumbangan dan Bonus LNPT	1 - 7 Januari 2024 8 - 31 Januari 2024* (LNPT)	UTMDigital PSM/PPP/ PIC SISTEM
8.	PENGESAHAN DAN PENILAIAN PEGAWAI PENILAI PERTAMA LPPT DAN LNPT	8- 31 Januari 2024	PPP1, PPP2,PPP3
9.	PENGESAHAN DAN PENILAIAN PEGAWAI PENILAI KEDUA	1 - 15 Februari 2024*	PPK
10.	MESYUARAT JKPBPP PTJ i. Mengemukakan rayuan pindaan markah (jika ada). Rayuan selepas tarikh ini tidak dibenarkan ii. Mengadakan mesyuarat JKPBPP di peringkat PTJ	16 - 29 Februari 2024*	PYD PSM PTJ
11.	MESYUARAT JKPBPP UNIVERSITI Mesyuarat JKPBPP Universiti bersidang	13-14 Mac 2024*	BSM
12.	PINDAAN DAN PENGESAHAN MARKAH AKHIR DI SISTEM Menyemak markah akhir yang telah disahkan oleh JKPBPP di dalam sistem	22 -28 Mac 2024*	PSM
13.	ROC Pergerakan Gaji Jan & April	1-10 April 2024*	PSM / Team ROC

NOTA:

CCIN	:	Pusat Jaringan Komuniti Industri
HEK	:	Pejabat Hal Ehwal Korporat
KAI	:	<i>Key Amal Indicator/Key Performance Indicator</i>
PYD	:	Pegawai Yang Dinilai
PPP	:	Pegawai Penilai Pertama
PPK	:	Pegawai Penilai Kedua
PPR	:	Pegawai Penilai Rakan Sekerja
PPS	:	Pegawai Penilai Subordinat
PSM	:	Pengurusan Sumber Manusia
PTJ	:	Pusat Tanggungjawab
JKPBPP	:	Jawatankuasa Pembangunan Bakat dan Pelan Penggantian
PSZ	:	Perpustakaan UTM
SKT	:	Sasaran Kerja Tahunan